

06 DEC 2001

Mahathir-Syukur (Bergambar)

HARGAI NIKMAT YANG DIKECAPI SEKARANG, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat negara ini belajar daripada pengalaman buruk rakyat Afghanistan dan bersyukur serta insaf dengan nikmat yang mereka kecapai sekarang.

"Apabila rakyat negara ini bersyukur, perhubungan sesama mereka akan menjadi lebih baik dan nikmat itu akan bertambah.

"Bersyukur dengan nikmat pemberian Tuhan, kerana kita dapat hidup dalam sebuah negara Malaysia yang bertuah, cukup dengan pelbagai kemudahan serta makanan di samping dapat beribadah dengan selamat dan selesa", katanya sebelum majlis berbuka puasa bersama penduduk di Masjid KEDA Kampung Wang Tok Rendong, Kuah di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata rakyat negara ini amat bertuah kerana dapat hidup dalam keadaan serba lengkap tanpa takut ditindas atau ditimpa malapetaka berbanding saudara Islam mereka yang lain yang hidup dalam keadaan serba daif tanpa pakaian dan makanan yang mencukupi.

Jika rakyat belajar dari nasib malang rakyat Afghanistan, mereka akan sedar betapa buruknya nasib jika keadaan itu menimpa mereka berbanding keadaan yang baik sekarang, katanya.

"Apa jua nikmat yang kita dapat kita perlu mengucapkan Alhamdulillah kerana itu semua merupakan kurniaan Tuhan.

"Ingatlah, jika kita bersyukur sepanjang masa, Tuhan akan tambahkan nikmat itu dan jika kita tidak bersyukur, itu petanda malapetaka akan menimpa kita dengan azab yang amat pedih", katanya.

Sebelum itu, pada sebelah petang, Dr Mahathir meninjau perkembangan projek pembangunan di sekitar Langkawi.

Sebaik tiba di lapangan terbang antarabangsa Langkawi petang tadi, Dr Mahathir menaiki "working cable" untuk meninjau kemajuan projek perkhidmatan kereta kabel di sini dari puncak Gunung Machinchang.

Projek itu dijangka beroperasi April tahun depan yang menghubungkan kompleks membeli belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau di sini dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Projek bernilai RM45 juta itu kini telah siap 60 peratus yang dijalankan secara usahasama oleh Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan.

Turut sama dalam lawatan itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan juruperunding projek Dr Peter A.Wyss.

Sebelum itu, Dr Mahathir melawat beberapa projek - pemulihan pantai Kok di Teluk Burau yang menelan belanja RM29.6 juta dan pembentukan dua buah pulau buatan manusia yang merupakan benteng penahan ombak bagi mencegah hakisan pantai.

Projek yang dilaksanakan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) itu akan menjadikan Teluk Burau sebagai sebuah pusat pertumbuhan ekonomi yang lengkap dengan pelbagai kemudahan untuk orang ramai termasuk taman rekreasi dan pusat membeli belah.

Dr Mahathir kemudian melawat limbungan membina dan memperbaiki kapal layar di Tanjung Lembung di sini.

Projek usahasama antara Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd (PSC) dan Lada di kawasan seluas 4.8 hektar itu dicadang menyediakan kemudahan moden untuk membina, membaikpulih dan menyenggara kapal layar dan kapal mewah.

-- BERNAMA

NH RON